

CNS9968

u GB13-12 00162 BA970

aab

Mahathir - Raja

MENTERI BESAR BOLEH MENGHADAP RAJA JIKA MAHU, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 13 Dis (Bernama) -- Semua Menteri Besar bebas untuk menghadap raja masing-masing bagi men jelaskan pendirian kerajaan pusat berhubung cadangan pindaan Perlembagaan bagi menghapuskan kekebalan Raja-raja, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanyaterpulanglah kepada budi bicara Menteri Besar untuk menghadap Raja masing-masing kerana kerajaan pusat tetap dengan keputusannya meminda Perlembagaan.

Perdana Menteri yang diminta mengulas kesediaan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhiyuddin Taib untuk menghadap Sultan Selangor bagi memberi penjelasan, berkata kerajaan pusat tidak mempunyai masalah sekiranya para Menteri Besar mahu menghadap Raja masing-masing sama ada untuk memberi penjelasan atau mendapati persetujuan mereka.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa mengadakan lawatan sehari bagi meninjau projek-projek pembangunan di pulau ini.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan belum emikirkan sama ada untuk membubarkan pasukan Timbalan Setia Johor itu atau menyerapkannya ke dalam Angkatan Tentera. -- Lagi

▼13/12/15-35MST

CNS9983

U GB 13-12 001.44 BA974

aab

Mahathir - Raja 2 (Akhir) Langkawi

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba dilaporkan berkata Kabinet akan membuat keputusan sama ada pasukan tentera Timbalan Setia yang berkhidmat terus kepada Sultan Johor itu perlu dikekalkan atau sebaliknya.

Ditanya mengenai tindakan ke atas mereka yang terlibat dengan dakwaan jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Douglas Gomez yang diadipukul, Dr Mahathir berkata: Kerajaan telah menyatakan pendiriannya bahawa sesiapa juga yang terlibat melanggar undang-undang, yang tidak dilindungi keistimewaan hak yang ada pada Raja-raja, tetap akan dikenakan tindakan, tidak kira sama ada mereka anggota tentera Timbalan Setia atau pegawai peribadi (Sultan Johor).

Ketika ditanya sama ada Perisytiharan Raja-raja tidak lagi penting sekiranya Perlembagaan dipinda, Perdana Menteri berkata ia akan dikekalkan walaupun diakui Perisytiharan itu tidak begitu berkesan kerana masih ada Raja-raja yang enggan menandatangani. -- Bernama

▼13/12/16-04MST